

Metno. 5/2

FIM serah sumbangan banjir RM20,000

SUBANG JAYA: Institut Makanan Malaysia (FIM) mengutip sumbangan RM20,000 daripada orang ramai dan Gedung Borong Mydin Mohamad Holdings Berhad menerusi Tabung Bantuan Mangsa Banjir yang dilancarkan 1 Februari lalu sehingga ditutup, semalam.

Hasil kutipan yang diperoleh daripada program kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor (JPW), Mydin Hypermarket USJ dan Persatuan Chef Malaysia (CAM) itu kemudian diserahkan Pengarah Urusan Mydin Hypermarket, Datuk Ameer Ali kepada Exco Hal Ehwal Wanita Negeri Selangor, Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin sebelum disalurkan ke dalam Tabung Mangsa Banjir TV3 anjuran Rangkaian Televisyen, Media Prima Berhad.



SERAH...Ameer menyerahkan Tabung Bantuan Mangsa Banjir kepada Seripah, semalam.